



PERUTUSAN PENGERUSI
(MESYUARAT JKTNg Bil. 3/2017 PADA 22 JUN 2017)

Assalamualaikum warahmatullah hi wabarakatuh dan Salam
Negaraku Malaysia.

YB Pegawai Kewangan Negeri, YH Pegawai Kemajuan Negeri
Pahang, YH DatoqDatoq Ketua-ketua Jabatan, Tuan-tuan dan Puan-
puan sekalian.

Di sini saya mengambil kesempatan untuk menyampaikan beberapa
perkara iaitu:

1. **“INSAN BERKUALITI TUNJANG NEGARA CEMERLANG”**
 - a. Saya mengimbau saranan YAB Perdana Menteri Malaysia dalam ucapan beliau baru-baru ini bahawa, pembangunan negara tidak bergantung kepada pembangunan fizikal semata-mata, malah ia memerlukan lebih daripada persediaan material tersebut; ia sebenarnya merupakan terjemahan **kualiti insan**, yang bertindak sebagai tulang belakang sebenar pembangunan.

- b. YAB Perdana Menteri turut menyebut tentang peri-pentingnya, keutamaan melahirkan rakyat yang memiliki modal insan yang berkualiti, kerana natijah yang terhasil daripadanya, akan terangkum dalam ertikata pembangunan sebenar, yang memenuhi tuntutan bukan sahaja aspek kerohanian dan akhlak, bahkan memiliki semangat cintakan Negara yang tulin.
- c. Proses kualiti insan bermula seawal persekolahan, selanjutnya melalui tarbiah keluarga, asuhan guru dan persekitaran sosial. Kegagalan menyediakan prasarana pendidikan rohaniah dan moral yang setimpal, menjadi penyebab kepada menjauhkan insan daripada tatasusila dan budaya keagamaan, apabila mereka dewasa.
- d. Saya menyokong saranan YAB Perdana Menteri dan menyeru agar ibubapa menjadi lebih cakna dan peka kepada pendidikan komprehensif pembangunan insan berkualiti. Proses ini memerlukan komitmen dan istiqamah oleh semua pihak, namun, jika langkah di-orak hari ini, masih belum terlewat untuk keberkesanan dicapai hari depan, kerana pendidikan insaniah bukan tertumpu kepada peringkat kanak-kanak semata, malah dewasa turut tidak terkecuali.

2. KETERLIBATAN PELAJAR SEKOLAH DALAM PENYALAHGUNAAN DADAH

- a. Saya memaklumkan bahawa, Jabatan Pelajaran Negeri Pahang dengan kerjasama Agensi Anti Dadah Kebangsaan (AADK), pada

lima (5) bulan pertama tahun ini, telah menjalankan ujian urin (**urine test**) kepada seramai 2,636 murid, daripada 132 buah sekolah menengah seluruh Negeri Pahang.

- b. Dalam jumlah tersebut, seramai 59 pelajar di dapati positif, menunjukkan ada kandungan bahan terlarang di dalam tubuh mereka. Mereka yang dikesan adalah murid-murid lelaki dan daripada bangsa Melayu.
- c. Turut dikesan ialah kawasan-kawasan yang dikenalpasti berisiko tinggi, berlegar di kawasan **Felda Chini, Felda Keratong, kawasan Kuala Pahang, kawasan Merapoh Lipis dan kawasan Kampung Seri Damai Kuantan.**
- d. Dalam jumlah tersebut, 92% dikesan mengandungi dadah jenis sintetik, dan 85% masih di dalam peringkat baru mencuba.
- e. Memandangkan murid-murid tersebut akan menamatkan persekolahan pada penghujung tahun ini, mereka sangat perlu dipantau dan dibimbing khususnya oleh ibubapa di rumah bagi mencegah mereka daripada terlibat lebih serius.
- f. Sehubungan dengan ini, saya menyarankan satu pendekatan bersepadu diambil bukan sahaja diperingkat Jabatan, malah di peringkat daerah, mukim dan kampung, yang melibatkan semua penjawat awam dan NGO, untuk bersama-sama membanteras dan mendidik remaja, khususnya pelajar, tentang bahaya dadah dan kemusnahan kepada bangsa, agama dan negara.

3. **PROJECT OCCUPANCY ASSURANCE (POA)**

- a. Keghairahan Jabatan dan Agensi Kerajaan semasa memohon projek-projek fizikal untuk keperluan pejabat masing-masing, kadangkala tersasar daripada tanggungjawab mengantisipasi pengisian kakitangan, penyediaan kemudahan perabutan/perkakasan dan akhirnya membawa kepada penggunaan paling minima. Kesannya, projek tersebut akan menjadi **'siap tetapi terbengkalai'**, atau tinggal tanpa dihuni berbulan-bulan dan adakalanya bertahun-tahun, tidak diisi.
- b. Sebagai contoh, terdapat kuarters Kerajaan Negeri dan Persekutuan, yang tidak dihuni sepenuhnya atau tinggal kosong beberapa lama tanpa dilaporkan, tidak diselenggara, dan terdedah kepada vandalisma.
- c. Saya tegaskan disini bahawa, ia adalah satu indikasi ketidakcekan Jabatan dan Agensi, semasa merancang, mengorganisasi, mengarah dan mengawal, serta lemah dalam melaksana **pengurusan nilai** sejak dari awal projek dimohon. Kajian semberono akhirnya mengakibatkan kerajaan menanggung kerugian ratusan juta ringgit, dan sudah tentu rakyat tidak mendapat sebarang manfaat daripada pembangunan yang tiada berperancangan begini.
- d. Oleh yang demikian, saya menggesa semua Ketua Jabatan dan Agensi Kerajaan agar, sebelum sebarang projek dimohon, baik fizikal atau non-fizikal, faktor-faktor **mengoptimalkan penggunaan, keperluan amat mendesak dan impak sebenar**

kepada semua, mesti diutamakan. Penggunaan bangunan siap setelah serahan, mesti dilakukan dalam tempoh **enam (6) bulan** daripada tarikh serah.

- e. Saya berharap selepas ini, tidak lagi timbul masalah keanggotaan, pelanggan, perabotan, **utility**, yang boleh dijadikan alasan untuk bangunan tidak diisi, dan Pejabat Pembangunan Persekutuan Negeri Pahang akan menerajui sesi **Project Occupancy Assurance** sekiranya masih terdapat projek-projek yang telah siap dan belum diisi, sehingga ia dapat dimanfaatkan sepenuhnya.

4. KENAIKAN HARGA BARANGAN DAN KEPERLUAN PENGGUNA

- a. Dalam mesyuarat lepas saya telah memanjangkan rungutan pengguna terhadap kenaikan harga barangan, khususnya di luar bandar, terutamanya barangan basah. Keadaan menjadi lebih sukar terutama kepada kelompok B40, pada sepanjang bulan Ramadan, lebih-lebih lagi dalam tempoh persiapan menyambut Syawal. Walaupun ia berlaku disebabkan bekalan yang terhad, namun kita tidak menafikan terdapat penjual yang rancak memanipulasi harga, demi mengambil untung besar. **Tidak terkecuali, kurangnya tanggungjawab pemantauan oleh agensi penguatkuasaan secara berterusan**, bagi mengekang tindakan segelintir peniaga tersebut.
- b. Walau berbagai ikhtiar kerajaan membantu meringankan kesusahan hidup rakyat melalui pelaksanaan insentif kewangan,

namun, jika harga barangan terus naik, usaha-usaha tersebut menjadi sia-sia. Justeru, kerajaan akan terus menjadi ***punching-bag***, diterjah dan dipersalahkan oleh berbagai pihak khususnya pihak pembangkang. Segala insentif dan bantuan yang diberi kerajaan, kurang memberi makna dan tidak sepadan berbanding dengan kuasa beli sedia ada yang rendah.

- c. Sehubungan itu, saya menyeru **KPDNKK** melipatgandakan usaha pemantauan dan penguatkuasaan kawalan harga barang dan perbekalan terutamanya di musim-musim perayaan. Jika perlu, fikirkan keterlibatan Jabatan dan Agensi Kerajaan yang lain, bergeraklah secara bersepadu, untuk meninjau dan mendidik kelompok peniaga dan pengusaha, dan pastikan tiada barangan yang dinaikkan sesuka hati, lebih-lebih lagi di musim-musim perayaan.

5. KESEGERAAN DALAM MENGAMBIL TINDAKAN TATATERTIB TERHADAP KAKITANGAN YANG TIDAK MENGHADIRI TUGAS

- a. Berdasarkan laporan yang saya terima, masih terdapat kes-kes ketidakhadiran bertugas atau gejala ponteng kerja di kalangan penjawat awam di Negeri Pahang berlaku saban hari. Keadaan ini diburukkan lagi dengan kegagalan Ketua-ketua Jabatan untuk segera mengambil tindakan tatatertib terhadap kakitangan yang terlibat.

- b. Kelewatan mengambil tindakan tatatertib dapat dikesan, apabila prosedur tatatertib mula dilaksanakan, setelah kakitangan tersebut ponteng kerja selama beratus-ratus hari, malah terdapat kes yang melibatkan ribuan hari.
- c. Ketua Jabatan diingatkan agar memberi perhatian serius terhadap perkara demikian, dan memastikan tindakan tatatertib dilakukan dengan segera, bagi membendung amalan negatif ini daripada terus menular.

6. LAPORAN PEMBAYARAN BIL-BIL KERAJAAN NEGERI PAHANG BAGI BULAN MEI 2017

- a. Prestasi Pembayaran Bil Kerajaan Negeri Pahang pada bulan Mei 2017 yang telah dibayar dalam tempoh 14 hari adalah **99.88%** manakala **0.12%** (11 bil) telah dibayar melebihi 14 hari.
- b. Berikut ialah jabatan yang membayar bil-bil melebihi tempoh 14 hari:-

i) Sekretariat MMK dan Dewan	-	2 bil
ii) Jabatan Kerja Raya	-	4 bil
iii) Jabatan Agama Islam	-	1 bil
iv) Pejabat Daerah Jerantut	-	1 bil
v) Pejabat Daerah Rompin	-	1 bil

- c. Ketua-ketua Jabatan dan agensi-agensi Kerajaan diingatkan agar sentiasa mematuhi Tatacara dan Peraturan Kewangan, apabila menguruskan kewangan dan perolehan kerajaan di pejabat masing-masing.

2. UCAPAN PENUTUPAN

- a. Sebagai penutup, bagi pihak Pentadbiran Negeri Pahang, saya mengambil kesempatan mengucapkan selamat hari raya **Aidil Fitri 1438 Hijrah**, dan maaf zahir kepada semua penjawat awam serta rakyat negeri ini amnya. ***Minal Aidil wal Fa Izin.***
- b. Kita akan menyempurnakan ibadat berpuasa selang beberapa hari lagi, dengan tekad meraikan kemenangan dalam berjihad melawan hawa nafsu dan keinginan selama sebulan.
- c. Marilah kita sama-sama berdoa agar diberikan kemenangan dan kesatuan Ummah oleh Allah kepada rakyat di Malaysia, khususnya umat Islam, setiap pelusuk bumi Islam yang sedang bergolak. Semoga keamanan dan kedamaian dapat kita nikmati semula dalam kemeriahan menyambut hari raya.
- d. Kepulangan ke kampung halaman, tidak bermaksud mengusung pulang kesedihan dan meraikan kesyahduan. Bagi yang berkenderaan, saya berharap semua sentiasa berwaspada semasa memandu dan patuhi segenap arahan keselamatan.

Sekian, ***takob-bala-loh- hu- minna- wamin-kum.***

